

21 MAY 2003

REAKSI-IKS/I

PAKEJ STRATEGI BARU BAWA BERITA BAIK UNTUK USAHAWAN

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Industri Kecil dan Sederhana (IKS) menyambut baik langkah kerajaan memandangkan pakej strategi baru ekonomi yang diumumkan hari ini "pemurah" terutamanya dengan ketersediaan dana yang besar dan pembentukan unit khas di Bank Negara Malaysia bagi membantu permohonan dan kelulusan pinjaman.

Pakej ekonomi bernilai RM7.3 bilion itu merupakan berita baik terutamanya bagi para usahawan yang sedang meningkat, kata presiden Persatuan IKS Malaysia, Looi Teong Chye.

Antara insentif yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini ialah penambahan RM600 juta bagi Tabung IKS dan RM400 juta kepada Tabung Usahawan Baru.

Looi berkata dengan saiz dana yang lebih besar itu, usahawan bukan sahaja akan mempunyai dana yang lebih besar tetapi juga akses yang mudah bagi permohonan pinjaman.

"Dengan peruntukkan pembiayaan dan mekanisme yang bar, kami yakin tabung-tabung ini akan diagihkan dengan cekap dan efektif kepada IKS yang berdaya maju," kata beliau dalam satu kenyataan hari ini.

Tabung Usahawan Baru itu merupakan satu berita yang menarik bagi para usahawan memandangkan ia akan bertindak sebagai sumber yang paling diperlukan bagi pembiayaan dalam persekitaran ekonomi semasa dan merangsang keusahawanan di Malaysia, kata beliau.

Beliau berkata tabung baru itu akan menyediakan modal permulaan bagi usahawan yang sedang meningkat dengan menawarkan sumber pembiayaan yang tidak didapati secara komersial sebelum ini.

"Ini akan menggalakkan pengwujudan lebih banyak usahawan yang akan menyumbang kepada masyarakat usahawan yang lebih berdaya maju," kata beliau.

Mengenai pemotongan kadar campurtangan sebanyak 50 mata asas, Looi berkata ia akan membantu IKS mengurangkan kos perniagaan setelah ianya akan menjadi kos pinjaman yang lebih rendah.

"Selain itu, sistem penghantaran yang lebih singkat seperti tempoh yang lebih singkat bagi pemprosesan dan kelulusan permit serta lesen perniagaan juga akan membantu IKS mengurangkan kos," katanya.

Sementara itu, pengarah eksekutif Pusat Perundingan IKS Kebangsaan (NASMIC), K.T. Tan berkata pakej tersebut dibentuk dengan baik terutamanya dengan kemasukan beberapa elaun khas kepada para doktor dan kakitangan perubatan yang terbabit dengan usaha-usaha pengawalan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Bagi segmen IKS, beliau percaya dana RM600 juta itu terlalu kecil jika memerlukan sandaran tertentu sebagaimana yang diminta bank sekarang ini.

Beliau berkata mungkin terdapat beberapa usahawan baru yang akan menghadapi masalah dalam mendapatkan dana yang disediakan itu "kerana mereka mungkin amat baru dalam industri dan tidak mempunyai rekod yang baik untuk ditunjukkan kepada bank-bank."

Dengan demikian, bank-bank perlu disaran supaya mengambil risiko tertentu sebagaimana ahli perniagaan apabila mereka melabur, kata beliau.

Tan berkata bagi memastikan pelaksanaan sepenuhnya pakej ini, persatuan perdagangan perlu memberi taklimat kepada anggotanya mengenai faedah pakej baru berkenaan.

"Bagi memastikan orang ramai mendapat faedah daripada skim ini, prosedur permohonan mestilah cepat, mudah dan senang diperolehi," katanya

lagi. --BERNAMA
SM/AFH KTC NHD